



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**KETAHSAAN LEKSIKAL DALAM PERBUALAN MASYARAKAT
PENIAGA TERENGGANU**

ZUL HANIS BIN YOP OTHMAN

FBMK 2020 47



**KETAKSAAN LEKSIKAL DALAM PERBUALAN MASYARAKAT PENIAGA
TERENGGANU**

Oleh

ZUL HANIS BIN YOP OTHMAN

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah
Master Sastera**

Februari 2020

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar, dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

KETAKSAAN LEKSIKAL DALAM PERBUALAN MASYARAKAT PENIAGA TERENGGANU

Oleh

ZUL HANIS BIN YOP OTHMAN

Februari 2020

Pengerusi : Zaitul Azma Binti Zainon Hamzah, PhD

Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis unsur ketaksaan leksikal dalam perbualan masyarakat peniaga Terengganu serta merumuskan unsur ketaksaan leksikal dalam perbualan masyarakat peniaga Terengganu sebagai cerminan identiti dan jati diri. Teori Relevan dipilih yang diasaskan oleh Sperber dan Wilson (1986) yang berasaskan kepada tiga gagasan iaitu konteks, kesan konteks dan usaha memproses atau kos proses. Ketaksaan yang terlibat ialah daripada sudut kata, frasa dan ayat. Masyarakat Terengganu terdiri daripada golongan peniaga di Terengganu. 18 orang sampel dipilih secara rawak. Pengkaji menggunakan kaedah lapangan iaitu pemerhatian dan temu bual dan menggunakan pendekatan kualitatif (huraian deskriptif) sebagai penganalisan data. Hasil kajian mendapati bahawa masyarakat peniaga Terengganu sangat gemar dan suka menggunakan unsur ketaksaan dalam perbualan mereka secara semula jadi. Dibuktikan dalam temuan data empiris iaitu terdapat unsur ketaksaan dalam bentuk kata. Kekaburan penggunaan ganti nama 'dia' bagi benda-benda tidak bernyawa dan 'kita' berfungsi mufrad telah dapat diselesaikan dengan pendekatan Teori Relevans. Contohnya, kekaburan ganti nama 'kita' dapat diselesaikan berdasarkan ujaran dan konteks ujaran itu sendiri. Maklumat tambahan yang diperlukan untuk menyelesaikan masalah kekaburan ganti nama kita tersedia dalam ujaran itu sendiri. Justeru, kajian ini diharapkan dapat membantu mempertingkatkan dan menambah bahan rujukan kepada para ilmuwan mengenai bidang kajian ketaksaan khususnya dalam perbualan masyarakat.

Kata Kunci : Ketaksaan Leksikal, Masyarakat Peniaga Terengganu, Teori Relevans, Konteks

Abstract of thesis present to the Senat of University Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the Master of Arts

**THE LEXICAL AMBIGUITY OF TRADERS COMMUNITY
CONVERSATION IN TERENGGANU**

By

ZUL HANIS BIN YOP OTHMAN

February 2020

Chairman : Zaitul Azma Binti Zainon Hamzah, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

This study are to identify and analyse the element of lexical ambiguity in the Terengganu traders community conversation and to formulate the element of lexical ambiguity in the traders community conversation in Terengganu as a reflection of identity and self-genuine. The theory used in this study is the Relevant Theory, founded by Sperber and Wilson (1986), and based on three ideas: context, contextual effects and processing effort or process cost. This study focuses on the element of ambiguity which involves words, phrases, sentences and the meaning of the speakers. The Terengganu community is comprised of traders. The main location of the study is in Terengganu. 18 samples from the traders community in Terengganu randomly selected. The researcher practices in-field methods which involve observation and interviews, and uses qualitative approach (descriptive description) as data analysis. This study finds that people in Terengganu are very fond of and prefer to use the element of ambiguity in their conversation naturally. This can be proven by the findings of empirical data that there is an element of ambiguity in the form of words. The ambiguity of the use 'He' in substitution for inanimate objects and 'Us' functioning as a singular have been solved by the approach of the Relevance Theory. Each of these renaming patterns has different meanings and messages which at the same time has its own purpose and reason. For example, the ambiguity of pronouns can be resolved based on the words and context of the utterances themselves. The additional information needed to solve the issue of ambiguity over pronouns can be found in the text itself. Therefore, this study is expected to help improve and at the same time can be a reference for the scholars who studies on the ambiguity in languages especially in the community conversations.

Keywords : Lexical Ambiguity, Traders Community in Terengganu, Relevant Theory, Conversation, Speech, Obscurity, Context

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang

Ucapan kesyukuran saya titipkan ke hadrat Ilahi kerana dengan keizinan dan limpah kurniaNya saya telah berjaya menyempurnakan tesis yang berjudul "Ketaksaan Leksikal Dalam Perbualan Masyarakat Peniaga Terengganu".

Penghargaan dan ucapan terima kasih terlebih dahulu saya tujukan kepada pengerusi jawatankuasa penyeliaan iaitu Prof. Madya Dr. Zaitul Azma Zainon Hamzah yang telah banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar ketika saya menyiapkan tesis ini. Ucapan terima kasih juga saya titipkan kepada ibu Rohaya Binti Mohd Noor yang tidak putus mendoakan kesejahteraan diri ini serta tidak jemu memberi kata semangat dan juga isteri Nazurah Binti Muhammad Shauqi yang tidak lekang memberi motivasi ketika diri ini kebimbangan. Doa dan restu ibu semestinya pemangkin kepada kejayaan anakanda.

Akhir kata, segala yang baik dan terpuji itu hanya datang dari-Nya.

Zul Hanis Yop Othman

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 21 Februari 2020 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Zul Hanis bin Yop Othman bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Ketaksaan Leksikal dalam Perbualan Masyarakat Peniaga Terengganu” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sastera.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Sharil Nizam bin Shari, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Salina binti Husain, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Salinah binti Ja'afar, PhD

Profesor Madya
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya
Malaysia
(Pemeriksa Luar)



ZURIATI AHMAD ZUKARNAIN, PhD
Profesor Ts. and Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 07 Ogos 2020

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli jawatankuasa penyeliaan adalah seperti berikut:

Zaitul Azma Binti Zainon Hamzah, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Hasnah Binti Mohamad, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli Jawatankuasa)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 13 Ogos 2020

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan intergriti ilmiah telah dipatuhi mengikut kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Zul Hanis Bin Yop Othman (GS44604)

Perakuan ahli jawatankuasa penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa Penyeliaan : Prof. Madya Dr. Zaitul Azma Binti Zainon Hamzah

Tandatangan : _____

Nama Ahli

Jawatankuasa Penyeliaan : Datin Dr. Hasnah Binti Mohamad

SENARAI KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI RAJAH	x
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
BAB	
I PENDAHULUAN	
Pengenalan	1
Pernyataan Masalah	7
Objektif Kajian	8
Persoalan Kajian	8
Kepentingan Kajian	8
Batasan Kajian	9
Definisi Operasional	9
Kesimpulan	10
II SOROTAN KAJIAN	
Pengenalan	11
Kajian Tentang Ketaksaan	11
Kajian Tentang Perbualan	17
Kajian Tentang Teori Relevan	19
Perkaitan Antara Sorotan Kajian Dengan Kajian Ini	22
Kesimpulan	23
III METODOLOGI	
Pengenalan	24
Reka Bentuk Kajian	24
Kerangka Teori	24
Kerangka Konseptual Kajian	28
Kaedah Kajian	29
Tempat Kajian	29
Populasi Dan Pensampelan Kajian	29
Alat Kajian	30
Pengumpulan Data	30
Prosedur Kajian	30
Transkripsi Data	31
Kesimpulan	32

IV	HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	
	Pengenalan	33
	Kenal Pasti Unsur Ketaksaan Leksikal Dalam Perbualan Masyarakat Peniaga Terengganu	33
	Analisis Unsur Ketaksaan Leksikal Dalam Perbualan Masyarakat Peniaga Terengganu	40
	Merumuskan Unsur Ketaksaan Leksikal Dalam Perbualan Masyarakat Peniaga Terengganu Sebagai Cerminan Identiti Dan Jati Diri	65
	Kesimpulan	69
	Rasional Teori dengan Dapatan Kajian	72
V	RUMUSAN DAN CADANGAN	
	Pengenalan	73
	Rumusan	73
	Sumbangan Dan Kepentingan Kajian Kepada Masyarakat	75
	Cadangan	75
	Kesimpulan	77
	BIBLIOGRAFI	78
	LAMPIRAN	84
	BIODATA PELAJAR	109

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
1.1 Jenis-Jenis Ketaksaan	2
3.1 Kerangka Teori	24
3.2 Kerangka Konseptual Kajian	28



SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
3.1 Taburan Sampel Kajian	29
4.1 Perbualan Menggunakan Kata Ganti Nama Diri Orang Ketiga 'dia' [+manusia] di Kedai Makan, Batu Burok Kuala Terengganu	34
4.2 Perbualan Menggunakan Kata Ganti Nama Diri Orang Ketiga 'dia' [- manusia] di Noor Arfa Batik di Marang, Terengganu	35
4.3 Perbualan Menggunakan 'Kita' [Jamak (Inklusif)] di Noor Arfa Batik di Marang, Terengganu	36
4.4 Perbualan Menggunakan 'Kita' Mufrad [Diri Sendiri]	37
4.5 Perbualan yang Mempunyai Unsur Ketaksaan dalam Frasa	37
4.6 Perbualan yang Mempunyai Unsur Ketaksaan dalam Ayat	39
4.7 Analisis Ketaksaan Kata Ganti Nama diri Orang Ketiga 'dia' [+ manusia]	41
4.8 Analisis Ketaksaan Kata Ganti Nama diri Orang Ketiga 'dia' [- manusia]	43
4.9 Analisis Ketaksaan Kata Ganti Nama Diri Orang Pertama Jamak (inklusif) 'Kita'	47
4.10 Analisis Ketaksaan Kata Ganti Nama Diri Orang Pertama 'Kita' Mufrad (Diri Sendiri)	49
4.11 Analisis Ketaksaan Frasa Data 5	51
4.12 Analisis Ketaksaan Ayat Data 6	54
4.13 Analisis Ketaksaan Ayat Data 7	56
4.14 Analisis Ketaksaan Ayat Data 8	59
4.15 Analisis Ketaksaan Ayat Data 9	62
4.16 Ketaksaan Penggunaan Kata Ganti Nama Diri dalam Perbualan Masyarakat Peniaga Terengganu	66
4.17 Ketaksaan Frasa dalam Perbualan Masyarakat Peniaga Terengganu	67
4.18 Ketaksaan Ayat dalam Perbualan Masyarakat Peniaga Terengganu	68
4.19 Data Ketaksaan	69

SENARAI SINGKATAN

TR
DII

Teori Relevans
Dan Lain-lain



BAB 1


PENDAHULUAN

Pengenalan

Ketaksaan merupakan satu bahagian makna bahasa yang terdapat dalam lisan atau tulisan yang berlaku pada semua peringkat bahasa sama ada dari aspek kata, frasa, klausa, ayat dan wacana (Erik Santoso, 2020). Ketaksaan bermaksud makna yang tidak jelas dari segi kata, frasa atau ayat (Abdullah Yusof, Alias Mohd Yatim & Mohd Ra'in Shaari, 2009). Ketaksaan sebagai satu sifat konstruksi yang dapat diberikan lebih daripada satu tafsiran (Harimurti Kridalaksana, 1982). Menurut Harimurti Kridalaksana (1982), ketaksaan memerlukan penganalisisan teks yang dibuat dengan lebih meluas serta mendalam. Oleh yang demikian sebahagian besar pernyataan yang taksa mempunyai kriteria dwiradikal '*either...or*'. Pernyataan ini telah disokong oleh Sa'odah Abdullah (1995), telah menyatakan bahawa kriteria ini hanya berguna bagi mengatasi masalah yang berhubung dengan sistem satu bahasa; kriteria ini sukar untuk menyelesaikan masalah ketaksaan yang melibatkan dua sistem bahasa.

Di samping itu, ketaksaan adalah kegandaan erti ayat, sehingga meragukan atau sama sekali tidak difahami orang lain (Nanik Setyowati, 2013). Darwas Harahap (1994) menjelaskan bahawa taksa ialah ayat yang tidak pasti maknanya. Tambahnya lagi, sepotong ayat dapat menerbitkan beberapa maksud yang tertentu. Siti Norzehan Bordin (2013), ketaksaan ditakrifkan sebagai sifat binaan atau konstruksi yang dapat diberi lebih daripada satu tafsiran. Pateda (2010) mengatakan "*Ambiguity is a linguistic condition which can arise in a variety of way.*" Chaer (1994), ambiguiti atau ketaksaan adalah gejala dapat terjadinya kegandaan makna akibat tafsiran gramatikal yang berbeza. Ada beberapa penyebab ambiguiti, antara lain iaitu intonasi yang tidak tepat, pemakaian kata yang bersifat polisemi, struktur ayat yang tidak tepat, dan lain sebagainya (Nanik Setyowati, 2013).

Justeru, ketaksaan dalam bahasa mempunyai beberapa jenis. Rajah 1.1 berikut merupakan jenis ketaksaan;



Rajah 1.1: Jenis-jenis ketaksaan

Ketaksaan Struktur atau Gramatis

Ketaksaan gramatikal berlaku apabila proses penggabungan satuan-satuan lingual mengikut system bahasa (Dewa & Rohmadi (2008). Ketaksaan ini berlaku pada sintaksis dan juga morfologi (Djajasudarma, 1999). Terdapat dua cara dalam ketaksaan gramatikal. Pertama, ketaksaan yang dibentuk oleh peristiwa pembantuan kata secara gramatikal. Contohnya pada peringkat morfologi (proses morfemis) yang memberi perubahan makna, prefix peN- + pukul bertukar jadi pemukul dan makna yang berganda iaitu “orang yang memukul” atau “alat untuk memukul”. Kedua adalah ketaksaan pada frasa yang mirip atau seakan-akan. Yakni setiap kata telah membentuk frasa yang sebenarnya sudah jelas, tetapi gabungannya mengakibatkan makna sesuatu ayat dapat diertikan lebih daripada satu makna. Contohnya dapat dilihat pada ayat “Ibu bapa Aminah telah jatuh ke dalam sungai Jertih”. Ayat ini telah menimbulkan satu kekeliruan sehingga memiliki alternatif yang lain untuk ditafsirkan:

1. Ibu kepada bapa Aminah yang jatuh ke dalam Sungai Jertih.
2. Ibu bapa Aminah yang jatuh ke dalam Sungai Jertih.

(Sumber: Maheram Ahmad, 2016)

Ketaksaan Leksikal

Ketaksaan leksikal wujud apabila makna kegandaan yang ditimbulkan kerana adanya butir-butir leksikal yang memiliki makna ganda baik kerana penerapan pemakaiannya mahupun kerana hal-hal yang bersifat leksidental (Dewa, 2008). Ketaksaan leksikal ini terjadi kerana penggunaan kata dalam homonim, homofon, dan homograf (Alwi, 2002). Hal ini berkaitan dengan makna yang dikandung setiap kata yang dapat memiliki lebih daripada satu makna atau mengacu pada sesuatu yang berbeza sesuai lingkungan penggunaannya. Contohnya:

- Homonim : mempunyai kesamaan bunyi dan ejaan tetapi berbeza makna. [kata banyak makna seperti gugur, bunga, dingin]
Homofon : perkataan yang sama bunyi dengan perkataan lain tetapi berbeza maknanya [bang bank, massa-masa, rok-rock, syarat-sarat]
Homograf: mempunyai kesamaan ejaan dengan perkataan lain tetapi berbeza makna [semak, rendang, perang]

(Sumber: Maheram Ahmad, 2016)

Ketaksaan Figuratif

Ketaksaan figuratif lazimnya dikaitkan dengan ketaksaan di peringkat leksikon atau kata, iaitu kerana adanya unsur polisemi, dan ketaksaan yang ada kaitannya dengan unsur perbezaan budaya. Dalam hal ini, makna sesuatu kata itu hendaklah dianalisis dari segi makna figuratif bukan makna literal. Oleh yang demikian, unsur yang perlu diungkapkan semula ialah unsur-unsur yang tersirat (implisit) bukan unsur tersurat (ekplisit). Semasa menganalisis ayat, makna figuratif perkataan dan ungkapan perlu dikenal pasti terlebih dahulu. Jadi, untuk diterjemahkannya pula, sedapat mungkin persamaan yang sejadilah yang diutamakan. Hal ini disebabkan oleh perbezaan budaya, sukar bagi penutur itu mencari persamaan yang tepat dari segi bentuk, misalnya figuratif ---figuratif. Malah, ada kalanya kata atau ungkapan yang tidak figuratif dalam bahasa sumber dapat diberi persamaan dalam bentuk figuratif. Contohnya:

- Over my dead body* [figuratif] --- langkah mayatku dahulu [figuratif].
Bare foot [bukan figuratif] --- kaki ayam [figuratif]
Blue blood [figuratif] --- keturunan bangsawan [bukan figuratif]

(Sumber: Maheram Ahmad, 2016)

Ketaksaan yang Disengajakan

Dalam sesetengah jenis penulisan, beberapa struktur leksikal dan sintaksis disengajakan ketaksaannya, misalnya dalam penulisan teks sastera, iklan, tajuk berita dan undang-undang. Dalam teks sastera, ketaksaan merupakan suatu ciri stilistik.

Selain itu, bertujuan untuk menimbulkan minat, rasa ingin tahu, membiarkan pembaca membuat tafsiran atau interpretasinya sendiri. Ketaksaan juga disengajakan dalam teks iklan atau tajuk berita. Tujuannya untuk menarik perhatian pembaca, menimbulkan rasa ingin tahu serta meninggalkan kesan yang lama, berulang dan mendalam.

Dalam teks undang-undang pula, ketaksaan yang disengajakan bertujuan mewujudkan 'loophole' untuk membolehkan pelbagai interpretasi dibuat khususnya untuk pembelaan. Tajuk berita "*Couple among five shot dead robbers*" "*The book caused Musa a lot of trouble*". Teks Sastera "Jikalau tidak kerana bintang Masakan bulan terbit tinggi. Jikalau tidak kerana abang [taksa] Masakan saya datang ke sini". Iklan *We'll cook up something, before you start cooking*. (iklan kabinet dapur) *Get rid off your chest*. (iklan ubat batuk) Kulit lebih halus dan berseri dalam 10 minit (iklan ANEW) *Terpulang, sejauh mana anda ingin pergi* (iklan AVON).

(Sumber: Maheram Ahmad, 2016)

Sebagai rumusan, penggunaan bahasa taksa telah menyebabkan batasan pemahaman yang tidak efektif bagi pendengar atau pembaca pada peringkat pertuturan dan tulisan. Setiap kata, frasa, ayat yang mengandungi ketaksaan, secara automatik menjadi tidak efektif dan komukatif kepada pendengar atau pembaca. Hal ini kerana tidak semua pendengar atau pembaca memahami makna yang hendak disampaikan oleh penutur atau penulis.

Perbualan dalam Masyarakat

Setiap hari, aktiviti sosial dalam kalangan masyarakat adalah perbualan. Perbualan berfungsi sebagai medium interaksi bagi menyalurkan dan menerima maklumat dengan menggunakan bahasa. Kini, interaksi melalui perbualan bukan sahaja dalam bentuk lisan, malahan juga dalam bentuk tulisan sejajar dengan arus perkembangan dunia teknologi maklumat seperti E-mail, *Yahoo Messenger*, *MSN*, *Whatsup*, Muka Buku (*facebook*), *twitter*, dan bentuk-bentuk perbualan yang lain. Justeru, dalam perbualan inilah diperlihatkan adanya unsur bunyi, penggunaan kata dan ayat bagi memastikan perbualan tersebut seperti dirancang organisasinya.

Lantaran itu, peristiwa dalam perbualan akan berlaku disebabkan oleh keperluannya dalam situasi tertentu. Segala topik dalam perbualan hendaklah mengikut urutan-urutan yang disyaratkan. Setiap ayat yang diucapkan itu bergabung untuk mencapai makna dan menetapkan rujukan (Schrage, 1998). Persembahan wacana dianggap sebagai manifestasi sesuatu kehidupan atau gaya kewujudan yang pelbagai, yang terpancar melalui proses perbualan yang sedang berlangsung (Ghani Ismail, 2005). Oleh yang demikian, wacana akan mempamerkan satu sistem sosial dan budaya dalam pertuturan, berdasarkan kepada fungsinya yang difahami (Schiffin, 1994).

Setiap perkara yang dipertuturkan hendaklah difahami oleh pendengar tentang proses pemakaian bahasa. Hal ini kerana pemahaman tentang proses pemakaian bahasa seperti perbualan atau aktiviti pertuturan akan lebih bermakna sekiranya dianalisis secara mendalam menggunakan pendekatan pragmatik (Ghani Ismail, 2005). Pendekatan pragmatik merupakan salah satu cara untuk memahami maksud sesuatu ujaran dengan lebih berkesan. Pendekatan ini akan mempertimbangkan sejumlah persoalan yang biasanya tidak banyak diambil kira oleh ahli linguistik formal dalam mendeskripsi sintaksis kalimat dan semantik (Brown & Yule, 1996).

Dalam perbualan, hal-hal seperti konteks fizikal, sosial, dan linguistik perlu diberi perhatian untuk mentafsir unsur-unsur bahasa. Sehubungan dengan itu, dalam pentafsiran perkara yang berkaitan dengan penutur, pendengar hendaklah diambil kisah. Begitu jugalah masa serta latar tempat berlakunya proses perbualan itu. Sesuatu perbualan tidak terbatas dalam situasi tertentu sahaja. Hal ini akan lebih mudah untuk mentafsir makna dan sekaligus dapat meneka dengan tepat perkara yang dibualkan oleh penutur dan pendengar ketika itu. Dengan kata lain, maksud sesuatu ujaran akan lebih jelas (Ghani Ismail, 2005).

Namun, ada kalanya ketika perbualan berlangsung maka wujud kesalahfahaman makna. Kesalahfahaman tersebut antara lain kerana makna yang ingin disampaikan oleh penutur/pembaca/penulis tidak difahami secara sama oleh pembaca/pendengar (Dian Hayati Rahman, 2015). Sehubungan dengan itu, penyelidik akan mengambil data melalui perbualan masyarakat Terengganu yang mengandungi unsur ketaksaan. Seterusnya data tersebut akan dikaji dan dibahaskan dengan menggunakan Teori Relevans Oleh Sperber dan Wilson (1985).

Perbualan dan Fungsinya

Perbualan merupakan satu proses untuk berkomunikasi bertujuan menyampaikan maklumat dalam kalangan manusia. Maklumat adalah sesuatu yang teramat penting dalam kehidupan (Ghani Ismail, 2005). Tambah beliau lagi, manusia memerlukan maklumat dalam mengurus kehidupan sehari-hari. Hal ini kerana setiap hari, manusia perlu memberitahu sesuatu atau menyampaikan sesuatu maklumat kepada orang sekeliling. Oleh itu, manusia inginkan maklumat dan ingin tahu tentang perkara-perkara yang melibatkan tentang kehidupan. Sehubungan dengan itu, melalui interaksilah akan mendapat sebarang maklumat.

Interaksi memainkan peranan penting dalam semua aspek kehidupan manusia sama ada di pejabat (melalui surat, e-mel, memberi arahan) atau di sekolah iaitu melalui proses pengajaran dan pembelajaran, atau di rumah. Fungsi perbualan adalah memberitahu, memujuk, menghiburkan, dan mensosialisasikan masyarakat.

Fungsi Memberitahu

Masyarakat hari ini mendapatkan maklumat dan berita semasa melalui surat khabar, radio, televisyen, internet. Fungsi ini bertujuan memaklumkan sesuatu kepada orang lain mengenai perkara-perkara tertentu. Terdapat pelbagai cara untuk memberitahu contohnya melalui papan tanda dengan ayat larangan seperti “ Jangan duduk di kerusi ini”, “Jalan terus” dan sebagainya. Fungsi ini bertujuan untuk menyampaikan sumber maklumat dan mesej kepada orang ramai.

Fungsi Memujuk

Interaksi dalam perbualan berperanan dalam pemujukan. Fungsi ini adalah untuk mengubah sikap dan tingkah laku manusia. Banyak jenis pemujukan dalam iklan digunakan dalam media. Iklan berfungsi untuk mempengaruhi untuk membeli produk yang diiklankan. Dengan ayat pemujukan itu dapat menembusi dan mempengaruhi perasaan dan emosi individu sasaran.

Fungsi Menghiburkan

Fungsi interaksi dalam perbualan juga sebagai hiburan dalam kehidupan seharian. Hiburan tersebut sama ada melalui televisyen, pawagam, program radio, komedi, drama, dan lain-lain. Namun demikian, sebelum munculnya televisyen dan radio, manusia menghiburkan diri dengan cerita-cerita rakyat atau wayang boneka. Reaksinya dapat dilihat apabila masyarakat berasa gembira dan terhibur.

Fungsi Mensosialisasikan Masyarakat

Dalam proses sosialisasi ini, masyarakat menggunakan kemahiran sosial, norma dan kepercayaan. Sebagai contoh, anak-anak diajar oleh ibu bapa mereka supaya menghormati orang yang lebih tua. Masyarakat akan bertingkah laku baik dan sesuai dalam perhubungan dengan kawan-kawan, ahli keluarga, dan anggota masyarakat yang lain.

Kesimpulannya, interaksi perbualan adalah melibatkan maklumat idea, emosi dan makna yang ingin disampaikan. Fungsi perbualan dalam kehidupan adalah untuk memberitahu, menghibur, memujuk dan mensosialisasikan masyarakat. Proses interaksi dalam perbualan digabungkan bersama agar penyampaian makna lebih berkesan.

(Sumber: Jill Jell, 2020)

Pernyataan Masalah

Makna yang disampaikan penutur boleh dinyatakan sebagai makna harfiah dan makna tidak harfiah. Makna harfiah perlu ditekankan dalam sesuatu ujaran kerana makna tersebut mempunyai makna yang berlainan daripada apa yang diujarkan penutur (Radiah Yusuf & Nor'Aini Ismail, 2000). Sehubungan dengan itu, penyelidik ingin merungkai kekeliruan makna yang ada dalam perbualan penutur oleh masyarakat Terengganu.

Menurut J.F Hong (2015), ketaksaan leksikal sama ada perkataan, frasa atau ayat timbul apabila sempadan makna tidak jelas dan tafsiran dan kefahaman ketaksaan leksikal adalah bergantung kepada konteks. Justeru, penyelidik ingin mengkaji sama ada ketaksaan dalam perbualan masyarakat juga melibatkan sempadan makna yang tidak jelas dan kefahaman ketaksaan leksikal ini perlu dianalisis bergantung kepada konteks. Ketaksaan atau ambiguiti merupakan kesalahan yang adakalanya sangat mengelirukan rujukan bagi suatu pemberitaan kerana pemilihan kata daripada penulis menimbulkan ketaksaan yang mengakibatkan pembaca tidak dapat memahami judul berita dengan baik (Mursia Ekawati & Asri Wijayanti (2017). Oleh yang demikian, wujud atau tidak ketaksaan dalam perbualan masyarakat peniaga yang tidak fahami kerana rujukan yang tidak jelas dan perlu dianalisis berdasarkan konteks.

Zaitul Azma Zainon Hamzah (2005) menjelaskan bahawa kekaburan penggunaan Kata Ganti Nama Diri 'dia' dan 'kita' dapat diselesaikan dengan menggunakan teori relevan. Dalam kajian ini, penyelidik akan menganalisis unsur ketaksaan leksikal dalam perbualan masyarakat peniaga dengan menggunakan teori relevan.

Pendokumentasian dan pengkalan warisan variasi bahasa tempatan, jelas menyatakan bahawa kelainan, keunikan, dan keistimewaan dialek Melayu Terengganu dengan kosa kata dan ciri-ciri sebutan yang khusus melambangkan jati diri bahasa penutur tempatan negeri Terengganu (Noor Rohana Mansor, Noraien Mansor & Normaliza Abd Rahim (2014). Ekoran daripada itu, masalah kekaburan dan ketaksaan yang melibatkan aspek linguistik yang hadir melalui fahaman dialek yang berbeza dari sudut bahasa baku dengan dialek yang ada di Terengganu perlu dirungkaikan supaya makna yang disampaikan dalam perbualan dapat difahami. Hal ini memberi ruang kepada penyelidik untuk merungkaikan makna ketaksaan leksikal dalam perbualan masyarakat peniaga dengan fokus masyarakat Terengganu sebagai cerminan identiti dan jati diri

Kajian ini bertitik tolak kepada kajian ketaksaan yang telah dijalan sebelum ini. Meskipun telah ada kajian pada peringkat antarabangsa yang memfokuskan kepada ketaksaan namun pada peringkat tempatan, masih ada ruang dalam bidang kajian ketaksaan yang perlu dikaji khususnya dalam perbualan masyarakat peniaga. Kajian ketaksaan dalam perbualan ini sukar diperolehi terutamanya dalam perbualan masyarakat. Hal ini kerana kajian ketaksaan dalam tulisan sudah banyak dikaji dan dalam bentuk lisan kurang dikaji. Oleh itu, berdasarkan perbincangan dan permasalahan yang dikemukakan, perkara ini telah memberi ruang dan mendorong

kepada penyelidik untuk menjalankan kajian mengenai unsur ketaksaan leksikal dalam perbualan masyarakat peniaga Terengganu.

Objektif Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah yang ditemukan, terdapat tiga objektif dalam menjalankan kajian ini, seperti berikut:

1. Menenal pasti unsur ketaksaan leksikal dalam perbualan masyarakat peniaga Terengganu.
2. Menganalisis unsur ketaksaan leksikal dalam perbualan masyarakat peniaga Terengganu.
3. Merumuskan unsur ketaksaan leksikal dalam perbualan masyarakat peniaga Terengganu sebagai cerminan identiti dan jati diri.

Persoalan Kajian

Kajian ini merupakan kajian yang bertajuk ketaksaan leksikal dalam perbualan masyarakat peniaga Terengganu. Terdapat tiga persoalan yang dikemukakan dalam kajian ini. Persoalan-persoalan yang dikemukakan adalah seperti berikut:

1. Apakah unsur ketaksaan leksikal dalam perbualan masyarakat peniaga Terengganu?
2. Bagaimanakah untuk menganalisis unsur ketaksaan leksikal dalam perbualan masyarakat peniaga Terengganu?
3. Bagaimanakah untuk merumuskan unsur ketaksaan leksikal dalam perbualan masyarakat peniaga Terengganu sebagai cerminan identiti dan jati diri?

Kepentingan Kajian

Kajian ini merupakan kajian unsur ketaksaan leksikal berkaitan perbualan dalam kalangan masyarakat peniaga. Walaupun kajian perbualan telah banyak dilakukan oleh ahli bahasa sejak kebelakangan ini, namun, aspek ketaksaan atau kekaburan dalam perbualan ini belum diteliti dengan lebih mendalam kerana ada segelintir sahaja ahli bahasa yang pernah menyentuh aspek ketaksaan dalam kajian mereka. Kebanyakan penyelidik lepas telah mengkaji ketaksaan ayat dalam teks. Oleh itu, kajian mereka inilah menyebabkan satu usaha dalam mengkaji aspek ketaksaan ini dipandang lebih penting.

Kajian ini sangat penting untuk sesiapa sahaja yang ingin mendalami atau mengaplikasi bidang pragmatik. Hal ini kerana pragmatik merupakan bidang yang mengkaji makna ujaran yang mengambil kira semua aspek yang melibatkan penutur, pendengar, peristiwa, latar, tujuan dan sebagainya. Kajian ini menjadi signifikan dalam

kalangan penyelidik ahli bahasa kerana dapat mengetahui maksud setiap ujaran yang dilontarkan dalam perbualan dengan secara mendalam agar pengguna bahasa dapat memahami fungsi bahasa sebagai alat untuk berkomunikasi.

Selanjutnya, kajian tentang unsur ketaksaan leksikal ini akan lebih memberikan pemahaman kepada pembaca di luar sana untuk memahaminya. Khususnya memahami unsur kekaburan dalam setiap perbualan. Hal ini kerana dalam perbualan bukan semua yang dimaksudkan oleh pendengar kepada penutur itu betul, kerana penutur akan menyelitkan beberapa unsur tersirat dalam ujarannya. Penyelidikan seperti ini akan memudahkan pembaca di luar sana dapat memahami dengan lebih jelas dalam mentafsirkan makna ujaran.

Kepentingan kajian ini juga berasaskan kepada kenyataan bahawa dalam menentukan interpretasi sebenar sesuatu ujaran, beberapa tugas khas daripada ilmu pragmatik diperlukan. Antaranya termasuklah tugas masalah kekaburan dan ketidakentuan, tugas menyelesaikan ketaksaan, tugas mencari rujukan serta tugas mengayakan segala maklumat yang tidak lengkap (Nor Hashimah, 1992). Dengan kata lain kajian berasaskan prinsip pragmatik dapat menyelesaikan persoalan tentang interpretasi ujaran yang tidak dapat dijawab oleh makna ayat semata-mata.

Batasan Kajian

Batasan kajian adalah kepada unsur ketaksaan leksikal yang melibatkan kata, frasa dan ayat. Masyarakat Terangganu yang terlibat terdiri daripada golongan peniaga seperti penjual kain, kasut, beg, ikan, ayam, sayur, barang runcit, kraftangan, batik dan songket, barang dapur dan kedai jual barang permainan kanak-kanak. Lokasi tempat kajian ialah di Pasar Payang, Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman, iaitu di kedai makanan laut, kedai membuat kraftangan, songket, dan batik. Selain itu lokasi tempat kajian yang kedua pula di daerah Besut iaitu di Pasar Besar Jerneh yang terdiri daripada kedai-kedai yang menjual beg, kasut, barangan dapur, runcit, dan menjual permainan kanak-kanak.

Definisi Operasional

Beberapa perkataan dan frasa yang terlibat dalam kajian ini perlu diberikan definisi untuk merujuk secara khusus kepada penggunaannya. Kata dan frasa yang terlibat dalam kajian ini ialah 'Ketaksaan Leksikal dalam Perbualan Masyarakat Peniaga Terengganu'.

Ketaksaan Leksikal dalam Perbualan

Ketaksaan leksikal dalam perbualan berdasarkan kajian ini dijelaskan sebagai kekaburan pada peringkat kata, frasa dan ayat. Hal ini demikian kerana dalam perbualan peniaga dijumpai data kekaburan yang berlaku apabila proses penyampaian maklumat ada unsur kegandaan makna leksikal dari aspek kata, frasa dan ayat yang saling berhubungkait dengan makna yang terkandung dalam setiap perbualan.

Masyarakat Peniaga Terengganu

Masyarakat yang terdiri daripada golongan peniaga. Peniaga pula terdiri daripada penjual kain, kasut, beg, ikan, ayam, sayur, barang runcit, kraftangan, batik dan songket dan barang dapur. Hal ini merujuk kepada individu yang melakukan urusan menjual barangan dan keperluan yang diperlukan oleh pembeli atau masyarakat, dan dalam masa yang sama melakukan proses komunikasi iaitu bertutur dengan para pembeli sewaktu urusan menjual barangan.

Kesimpulan

Proses komunikasi yang berkesan harus melibatkan pihak pendengar dengan penutur. Kedua-dua pihak saling berkomunikasi di antara satu sama lain dengan menggunakan ujaran yang bersesuaian dengan topik yang menjadi fokus perbualan. Perbualan menjadi lebih bermakna sekiranya pendengar dengan penutur dapat memahami maksud setiap ujaran yang dituturkan. Untuk memahami setiap ujaran tersebut, elemen-elemen seperti konteks dan situasi banyak membantu pendengar dan penutur untuk memperoleh makna yang sebenar.

Bagi mengetahui makna ujaran bukanlah sesuatu perkara yang mudah kerana makna tersebut tidak akan lahir berasaskan satu perkataan semata-mata. Makna sebenar ujaran akan terhasil berdasarkan makna bersama di antara pendengar dengan penutur berdasarkan andaian-andaian tertentu. Dalam hal ini konteks memainkan peranan yang sangat penting.

Sebenarnya, sesuatu perbualan memerlukan interaksi di antara kedua-dua belah pihak iaitu pihak pendengar dan penutur. Ujaran berperanan penting bagi menentukan proses perbualan berjalan lancar. Penutur dan pendengar saling bertukar ganti mengambil peranan dalam perbualan. Fenomena ini akan menyebabkan setiap ujaran yang dilontarkan seharusnya difahami bersama. Hal inilah yang dimaksudkan sebagai makna bersama antara pendengar dengan penutur. Penutur mengujarkan sesuatu ujaran dengan niat tertentu, manakala pendengar berfungsi menginterpretasikan ujaran tersebut dengan mengambil kira konteks dan situasi. Apabila makna bersama dicapai, perbualan akan menjadi lebih bermakna.

BIBLIOGRAFI

- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (2003). *Kamus Peribahasa Kontemporari Edisi Kedua*. Kuala Lumpur :PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd
- Abdullah Yusof, Alias Mohd Yatim, Mohd Ra'in Shaari. (2009). *Semantik dan Pragmatik Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur :Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (2011), *Kamus Peribahasa Kontemporari*. Edisi Ketiga. Selangor: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Adenan Ayop (2011) Analisis Ketaksaan Ayat Perspektif Pragmatik. Tesis Master, UM.
- Ahmad Rahman Ahmad Hanafiah. (2007). Elemen Patriotik Dalam Filem P.Ramlee. *Forum Bicara Seni Seniman Agung P.Ramlee - Seniman Sepanjang Zaman*. Pulau Pinang.
- Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri. (2014, September 18). Semangat Patriotisme Perlu Dijiwai, Bukan Sekadar Simbolik. *Berita Harian Online*. Retrieved January 12, 2017, From. <https://www.bharian.com.my/node/6611>.
- Alwi. 2002. *Telaah Bahasa dan Sastra*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- Alwi.(2002). *Kamus Besar Bahasa Indonesia*. Jakarta: Balai Pustaka.
- Aminuddin. (1998). *Semantik: Pengantar Studi tentang Makna*. Bandung: Sinar Baru.
- Amirah Ahmad & Nor Hashimah Jalaluddin. (2013). Implikatur Dalam Kes "Pembunuhan Noritta": Analisis Teori Relevans. *Jurnal Bahasa* , 13 (1), 28-38.
- Aminudin Saimon & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2016). Pentafsiran Makna dalam Ujaran Saling Memahami. *Jurnal Linguistik*, vol. 20 (2) Disember 2016 (033 – 041).
- Angelina Subrayan Michael & Chitra Muthusamy. (2015). Conversational Implicature And Cooperativeness In D.H Lawrence's Sons And Lovers. *Journal Of Creative Practices In Language Learning And Teaching (Cplt)* , 3 (2), 46-61.
- Ariel. M. (2010). *Defining Pragmatics*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Asmah Haji Omar. (1986). *Bahasa dan alam pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bangun Wijiono. (2014). Ketaksaan Bahasa dalam Karangan Siswa Kelas V SD Negeri 2 Abean Kecamatan Mirit Kabupaten Kebumen Tahun Pembelajaran 2013/2014. *Jurnal Surya Bahtera (atas talian)*, 2 (14).
- Barsalou & Dorrit (1987). Processing Deliberate Ambiguity in Newspaper Headlines: Double Grounding. *Discourse Processes*, 47 (3), 212-236.
- Blackmore, D., (1987). *Semantic Constraints On Relevance*. Oxford: Basil Blackwell.
- Blackmore, D., (1992). *Understanding Utterances: An Introduction To Pragmatics*. Oxford: Basil Blackwell
- Brown dan Yule. (1996). Analisis Wacana. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.
- Bucharia, C. (2004). Lexical and syntactic ambiguity as a source of humor: The Case of Newspaper Headlines. *Humor*, 17 (3), 279-309.
- Caroll, D.W.,(2008). *Psychology Of Language*. Canada: Thomson Wadsworth.
- Chaer, Abdul. (2009). *Linguistik Umum*. Jakarta: PT Rineka Cipta.
- Dardjowidjojo, Soejono. 2005. *Psikolinguistik: Pengantar Pemahaman Bahasa Manusia*, Jakarta : Yayasan Obor Indonesia.

- Chaer. (1994). *Linguistik Umum*. Jakarta: PT Rineka Cipta.
- Darwis Harahap. (1994). *Binaan Makna*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewa Putu Wijana & Muhammad Rohmadi. (2008). *Sosiolinguistik: kajian teori dan analisis*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Dewa. (2008). *Semantik: Teori dan Analisis*. Yogyakarta: Yuma Pustaka.
- Dian Hayati Rahman. (2015). *Semantik*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Djajasudarma, Fatimah. (1993). *Semantik 1 "Pengantar ke arah ilmu makna"*. Bandung: PT Eresco Bandung.
- Djajasudarma, T. Fatimah. (1999). *Semantik 2, Pemahaman Ilmu Makna*. Bandung : PT. Refika Aditama.
- Erik Santoso. (2020). *Ambiguitas Pada Judul Berita Surat Kabar Suara Merdeka Edisi September-Oktober 2019 dan Implikasi Terhadap Pembelajaran Bahasa Indonesia Di SMA*, Indonesia: Skripsi.Fakultas Keguruan Dan Ilmu Pendidikan. Universitas Pancasakti Tegal
- Fatin Rabiha Abdul Kadir dan Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2017). *Ujaran Implisit dalam Filem Melayu Klasik Sri Mersing*. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*. Vol. 6; 13-24
- G. Khamahani, Ilham M.Tahirov. (2015). Focus on structural and lexical Ambiguity in English newspaper Headlines written by native and non-native journalists, *Mediterranean journal of Social Science*, Vol 4 No 6 July 2013 P 379-383.
- Ghani Ismail (2005). *Makna Ujaran Dalam Novel Karya Arena Wati Dari Sudut Pragmatik*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Harimurti Kridalaksanan. (1982). *Kamus Linguistik*. Edisi Ketiga. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama
- Hasmidar Hassan. (2007). Kata Hubung "Dan": Satu Analisis Semantik Dan Pragmatik. In *Linguistik: Teori Dan Aplikasi* (Pp. 166-185). Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hussin Sarif. (1999). *Persepsi pelajar terhadap penggunaan pendekatan komunikatif dalam pengajaran Bahasa Melayu*. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- J.f Hong, (2015). *Verb Sense Discovery in Mandarin Chinese – A Corpus Based Knowledge-Intensive Approach*. Springer-Verlag Berlin Heidelberg, Germany.
- Jill Jell. *Konsep Asas Komunikasi*. Diperolehi pada 20 Mac 2020 daripada https://www.academia.edu/26663560/Topik_1_Konsep_Asas_Komunikasi
- Khatijah Abdul Rasool, (2011) *An analysis of problems of understanding in native speakers-non- native speakers talk*. MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara, 12 . pp. 55-74. ISSN 1511-8393
- Khoshkhabar, Shahrzad Ghassedi and Maryam Iraj. (2015). The Study of Ambiguity in social context of Iranian newspapers, *International Journal of Advanced Research* (2015), Volume 3, Issue 8, 1020 – 1027.
- Lau Su Kia. (2007). *Fenomena Percampuran Kod Dalam Iklan Perniagaan Bahasa Cina di Malaysia*. Tesis Master. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Liviany Amelia Hartono. (2010). *Analysis of A Ambiguities in "The Sun" Newspaper*. Tesis. Bandung: Universitas Kristen Maranatha.
- M Mascitah Mansor & Noraini Shahida Ishak. (9-10 November 2011). *Peribahasa: Gambaran minda Melayu dalam Penciptaan Iklan*. Prosiding Seminar

- Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Melayu VII (SALPBMV11) di Universiti Putra Malaysia.
- Marzuki Mohamad(2013). Amalan Kepimpinan Islam Pengetua Dan Perkaitannya Terhadap Atribut Komuniti Pembelajaran Profesional. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Teknologi Malaysia, tidak diterbitkan.
- Maheram Ahmad (2016) Ketaksaan dalam Penterjemahan. Diperolehi pada 20 Sep 2020 <https://www.slideshare.net/maheramahmad7/ketaksaan-dalam-penterjemahan>
- Mary Fatimah Subet. (2011) *Teori Relevans (Tr) Dalam Personifikasi*. In Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Norsimah Mat Awal, Harishon Radzi (Eds.). *Pemantapan Dan Pembinaan Ilmu Linguistik Berasaskan Korpus* (Pp.116- 129). Selangor. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mary Fatimah Subet. (2015). Sajak "Pelacur Tua": Analisis Teori Relevans. *Jurnal Bahasa* , 15 (1), 113-142.
- Minah Sintian. (2015). Penggunaan Slanga Dalam Kalangan Pelajar Kadazan Dusun. Tesis Master. UPM. Serdang
- Mohd Yusof Othman. (2010). Perkaitan semantik kata kerja bahasa Banjar Kuala: satu analisis varian Kuin, Banjamasin. *Jurnal Melayu*, 5, 87-102.
- Muhamad Safuan Mat Saleh. (2011). Implikatur Dalam Perbualan Pelajar Universiti Putra Malaysia. Tesis Master. UPM. Serdang
- Muhammad Zuhair Zainal, (2015). Makna Ujaran Tak Langsung dalam Skrip Drama Terpilih dari Sudut Pragmatik. Tesis PhD. UPM. Serdang
- Mursia Ekawati dan Asri Wijayanti (2017). Ketaksaan Judul Berita dan Implikasinya Pada Pembaca . Seminar Nasional Riset Inovatif, ISBN: 978-602-6428-11-0
- Nanik Setyawati. (2013). Teori Belajar Bahasa. IKIP PGRI: Semarang
- Nanik Setyawati. (2013). *Analisis Kesalahan Berbahasa Indonesia: Teori dan Praktik*. Surakarta: Yuma Pustaka.
- Noor Rohana Mansor, Noraien Mansor & Normaliza Abd Rahim. (2014). Perbualan Masyarakat Daerah Kuala Terengganu. *Journal of Business dan Social Development*, 2(1): 49-56.
- Nor Hashimah Jalaludin (1990). Kekaburan dalam ganti nama Melayu Serawak: masalah dan penyelesaiannya. *Jurnal Dewan Bahasa Bahasa* 33 (10): 873-884.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (1991). Keimplisitan Ujaran: Satu Analisis Teori Relevans. *Jurnal Dewan Bahasa*, 35(6): 474-83.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (1992). Semantik dan Pragmatik: Satu Pengenalan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaludin (1992). Semantik dan Pragmatik: Satu Pengenalan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin (1995) *Fungsi dan Pola Nama Melayu: Satu Interpretasi Semantik dan Pragmatik*. Akademika 47, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaludin (1995). Bahasa jual beli dalam perniagaan runcit: satu analisis semantik dan pragmatik. Tesis Ph.D, Universiti Malaya.
- Nor Hashimah Jalaluddin & Norsimah Mat Awal (2004). Citra Lelaki Dulu dan Kini dalam Prosa Melayu: Analisis Teori Relevans. *Jurnal e-Bangi* Jilid 1, Bilangan 1 Julai – Disember.
- Nor Hashimah Jalaludin (2007). Bahasa dalam Perniagaan: Satu Analisis Semantik dan Pragmatik. *Dewan Bahasa dan Pustaka*. Kuala Lumpur: Dawarna Sdn.Bhd

- Normaliza Abd Rahim & Siti Nur Aliaa Roslan. (2012). The Art of Acting Students' Feelings and Emotions. *The International Journal of the Humanities*, 7(8): 1-12.
- Noraein Mansor dan Noor Rohana Mansor (2015). Penerbitan Ilmiah Bahasa Melayu Dalam Kalangan Ilmuwan Negara. *Journal of Business and Social Development*, 3(1): 25-32.
- Norfazila Ab. Hamid. (2014). Peluasan Semantik Kta Sifat Ringan: Satu Analisis Model Jaringan Langacker 1988. *Jurnal Melayu*, 13, pp. 61-71. ISSN 1675-7513
- Norhidayu Hasan. (2018). Implikatur Dalam Filem Patriotik. Tesis Master. UPM Serdang
- Nurul Shahira Ismail & Maslida Yusof. (2015). Analisis Deiksias Dialek Kedah. *GEMA Online (Journal of Language Studies)*, 15 (1), 163-187.
- Nur Hafizah Razali & Normaliza Abd Rahim: (2016). Makna Ujaran Masyarakat Banjar Dari Sudut Pragmatik. *Journal Of Business And Social Development* , 4 (1), 55 64.
- Oktarina, Rizki Nurmaya. (2016). "Ambiguitas Yang Mencerminkan Rasisme Dalam Film The Princes and The Frog". *Jurnal Kajian Budaya*. 4 (2) , 159-174.
- Pateda, Mansoer. (2010). Semantik Leksikal. Jakarta: Renika Cipta.
- Radiyah Yusuf & Nor' Aini Ismail. (2000). Weltanschauung Semantik Melayu Terhadap Sungai: Kajian Makna Tak Harfiah Dalam Bahasa Kiasan. *Jurnal Dewan Bahasa*, 44 (7), 738- 748.
- Rona Almos, S. (2013). Ujaran Pantang Salah Satu Budaya Tutur Masyarakat Minangkabau. *Jurnal Elektronik Jabatan Bahasa & Kebudayaan Melayu*, Jilid 4.
- Roosfa Hashim. (2006). Penerbitan karya sarjana asing di Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia: Masalah dan strategi. Dlm. Prosiding Pengantarabangsaan Penerbitan Ilmiah Malaysia, 18-19 April, Hotel Pan Pacific, Kuala Lumpur.
- RoslinaMamat., Normaliza Abd Rahim, Rosmawati Abdul Rashid, Hazlina Abdul Halim & Nor Shahila Mansor (2014) Interaksi Kumpulan Kecil Pelajar Korea dalam Pembelajaran Bahasa Melayu: Satu Analisis Wacana. *Journal of Business dan Social Development*, 2(2): 91-99.
- Sa'odah Abdullah.(1995). Perkembangan Bahasa Melayu dari Aspek Leksikon dan Etimologi. Siri Ceramah Arif Budiman. Singapura: Kementerian Pendidikan Singapura.
- Sato Hirobumi. (1999). Ketaksaan Dalam Komunikasi Verbal. In Hasan Alwi, Dendy Sugono (Ed), *Telaah Bahasa Dan Sastra: Persembahan Kepada Prof. Dr. Anton M. Moeliono* (Pp. 95-109). Jakarta: Pusat Pembinaan Dan Pengembangan Bahasa.
- Schiffin. (1994). Asas-Asas Linguistik Umum . Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.
- Schrag. (1998). *Meaning In Interaction: An Introduction To Pragmatics*. London: Longman.
- Siti Hajar Abdul Aziz. (2010). *Pragmatik Linguistik*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Siti Maryam & I Dewa Putu Wijana. (2014). Analisis Wacana Humor dalam Kumpulan Komik Serial Mice Cartoon. Tesis Master. Yogyakarta: Universitas Gadjah Mada.

- Siti Norzehan Bordin (2013). *Ketaksaan Dalam Ayat*. Tesis Master. UPM. Serdang
- Sperber, D. & Wilson, D. (1986). *Relevance Communication And Cognition*. Cambridge: Harvard University Press.
- Sperber, D. & Wilson, D. (1999). *Relevans Komunikasi Dan Kognisi*. (N. H. Jalaluddin, Trans.) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Sperber, D. & Wilson, D. (2012). *Meaning And Relevance*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Ullmann, S. (2007). *The principles of semantics*. Oxford: Blackwell.
- Ullman, Stephen, (2007). *Pengantar Semantik*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Wibowo, Wahyu. (2001). *Otonomi Bahasa 7 Strategis Tulis Pragmatik Bagi Praktisi Bisnis Dan Mahasiswa*, Jakarta : Gramedia Pustaka Utama.
- Wibowo, Wahyu. (2001). *Manajemen Bahasa Pengorganisasian Karangan Pragmatik dalam Bahasa Indonesia untuk Mahasiswa dan Praktisi Bisnis*, Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.
- Wong Shia Ho (2013). *Keharmonian kaum dalam ucapan tunku abdul rahman: analisis teori relevans*. Juenal Penyelidikan IPG KBL, Jilid 11.
- Wong Shia Ho. (2013). *Bahasa Figuratif Sebagai Wahana Pemikiran: Satu Analisis Pragmatik*. *Jurnal Bahasa* , 39-63.
- Wong Shia Ho. (2014b). *Makna Penutur Dalam Ayat Teks Ucapan Tunku Abdul Rahman: Satu Analisis Teori Relevan*. *Pendeta Journal Of Malay Language, Education And Literature*, 5, 208-239.
- Wong Shia Ho. (2014a). *Penggunaan Simbol Dalam Teks Ucapan Tunku Abdul Rahman: Analisis Teori Relevans* *Jurnal Bahasa*., Volume 14, No 1
- Wong Shia Ho. (2014c). *Ungkapan Implisit Dalam Berita Bola Sepak Piala Dunia 2014: Analisis Pragmatik*. *Jurnal Bahasa* , 219-238.
- Yahya Othman (2005). *Budi Bahasa Dalam Pengajaran Bahasa*. *Jurnal Dewan Bahasa*,31-33
- Yan Huang. (2015). *Pragmatik*. (Puteri Roslina Abdul Wahid, Trans.) Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Yassir Nasanius. (2007). *Menyibak Kompetensi Sintaksis Pemelajar Bahasa Kedua Melalui Pandangan Chomsky*. *Pelbba 17: Pertemuan Linguistik Pusat Kajian Bahasa Dan Budaya Atma Jaya: Kedelapan Belas* (Pp. 169-193). Jakarta: Pusat Kajian Basa Dan Budaya Unika Atma Jaya.
- Yendra. (2016). *Mengenal Ilmu Bahasa (Linguistik)*. Yogyakarta: Deepublish.
- Yule, G. (1996). *Pragmatics*. Oxford(London): Oxford University Press
- Yule, G. (2006). *The Study Of Language* (Third Ed.). Cambridge: Cambridge University Press.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah (2000). *“Penggunaan Bahasa dalam Pertuturan Kanak-kanak Melayu- Satu Analisis Pragmatik”*. Tesis Sarjana. UPM. Serdang
- Zaiton Ismail. (2003). *“Bahasa Berirama dari Sudut Pandangan Teori Lakuan Bahasa, Teori Grice dan Teori Relevans”* dlm. Dewan Bahasa Januari 2003. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2005) *“Bahasa, Konteks dan Pemikiran kanak-kanak Satu Analisis Pragmatik”* dlm. *Jurnal Bahasa*, Jun 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2006). *Memahami Pertuturan Kanak-Kanak Melalui Analisis Pragmatik*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Zulkifley Hamid. (2006). *Aplikasi Psikolinguistik: Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa*. Selangor: PTS Akademia.



BIODATA PELAJAR



Calon Master bidang bahasa Melayu ini berasal dari Jertih, Besut, Terengganu. Mendapat pendidikan rendah di SK Pusat Jertih, Besut Terengganu. Seterusnya, mendapat pendidikan menengah di SMK Seri Nering, Besut Terengganu. Pada tahun 2011, selepas tamat pengajian tingkatan enam, pelajar melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah sarjana muda di Universiti Putra Malaysia dalam bidang Bahasa dan Linguistik Melayu. Kini, pelajar menyambung pengajian peringkat Master.



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA

SESI AKADEMIK : Semester Kedua 2019/2020

TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :

KETAKSAAN LEKSIKAL DALAM PERBUALAN MASYARAKAT PENIAGA TERENGGANU

NAMA PELAJAR : ZUL HANIS BIN YOP OTHMAN

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

*sila tandakan (v)

SULIT

(mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran Kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan)

AKSES TERBUKA

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan Diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan :

PATEN

Embargo _____ hingga _____
(tarikh) (tarikh)

Pengesahan oleh:

(Tandatangan Pelajar)
No Kad Pengenalan / No Pasport.:

Tarikh :

(Tandatangan Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan)
Nama:

Tarikh :

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini SULIT atau TERHAD, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]